

31/01/1997

PM seru orang Melayu nilai diri

SINTOK, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta masyarakat Melayu menilai semula diri sendiri bagi memastikan kemewahan dinikmati sekarang tidak menyebabkan mereka terbabat dalam pelbagai gejala negatif.

Perdana Menteri berkata, masyarakat Melayu juga harus bertanya diri sendiri sama ada gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, bohsia, merogol anak sendiri dan mendera anak wujud akibat kemajuan.

"Mungkin kita berkata negara sudah maju sehingga mengakibatkan pelbagai gejala buruk ... kita boleh menyalahkan keadaan ini. Tetapi soal yang tidak boleh dijawab ialah kenapa orang Melayu yang ramai terbabat dalam gejala ini.

"Kira-kira 54 peratus penduduk di negara ini adalah orang Melayu dan beragama Islam tetapi kajian menunjukkan lebih 67 peratus yang terbabat dalam semua jenis jenayah adalah orang Melayu," katanya ketika berucap selepas majlis berbuka puasa bersama rakyat kawasan Parlimen Kubang Pasu, di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, malam ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Naib Canselor UUM, Datuk Dr Shamsuddin Kassim.

Terdahulu, Dr Mahathir menyaksikan perjanjian tajaan Kerusi Bank Bumiputra Malaysia Berhad di UUM membabitkan peruntukan RM2.5 juta bagi memajukan kegiatan penyelidikan dan akademik dalam bidang perbankan dan kewangan di universiti itu.

UUM diwakili Dr Shamsuddin, manakala BBMB oleh Pengerusinya, Tan Sri Dr Abdul Khalid Sahan.

Perdana Menteri juga meminta masyarakat Melayu menginsafi kemewahan dengan mencerminkan diri sendiri bagi menilai kelemahan berbanding kejayaan yang dicapai kaum lain.

Beliau berkata, kemewahan yang dinikmati menyebabkan sesetengah masyarakat Melayu lupa terhadap kesusahan dahulu sehingga mengakibatkan timbul gejala sosial.

Sementara itu di ALOR STAR, Dr Mahathir diberi sambutan meriah oleh Barisan Nasional (BN) Kedah setiba beliau untuk lawatan sehari di kawasan Parlimen Kubang Pasu hari ini.

Kira-kira 3,000 ahli pelbagai parti BN lengkap dengan sepanduk menyambut ketibaan Dr Mahathir dan isteri di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini kira-kira jam 3 petang.

Sambutan itu sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada Dr Mahathir yang berjaya menarik pelabur menyertai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) serta pemilihannya sebagai penerima Hadiah Antarabangsa Raja Faisal 1997 oleh Yayasan Raja Faisal, Arab Saudi, baru-baru ini.

(END)